

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK
Life Care Rider Plus

Penerangan Pelan

Rider ini menawarkan perlindungan insurans kematian, hilang upaya kekal dan menyeluruh dan manfaat penyakit kritikal Orang yang Diinsuranskan sehingga akhir tempoh rider selama <Tempoh> tahun. Ia membayar sebanyak RM <Jumlah> sekaligus jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau didiagnosis mana-mana satu daripada penyakit kritikal seperti di bawah dalam tempoh rider.

No	Penyakit kritikal
1	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
3	Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
4	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
5	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu
6	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih
7	Pembedahan Otak
8	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
9	Kardiomiopati – keterukan tertentu
10	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
11	Hepatitis Autoimun Kronik
12	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik
13	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan
14	Pembedahan Pintas Arteri Koronari
15	Penyakit Creutzfeldt-Jakob
16	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih
17	Demam Hemorrhagic Ebola
18	Elefantiasis
19	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
20	Kegagalan Hati Tahap Akhir
21	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
22	AIDS Dengan Gejala Penuh
23	Hepatitis Viral Fulminan
24	Serangan Jantung – keterukan tertentu
25	Pembedahan Injap Jantung
26	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
27	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
28	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
29	Hilang Keupayaan Bertutur
30	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
31	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
32	Penyakit Sistik Medular
33	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
34	Sklerosis Multipel
35	Distrofi Otot
36	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
37	Kelumpuhan Anggota
38	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
39	Poliomielitis
40	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
41	Skleroderma Progresif
42	Penyakit Arteri Koronari Serius
43	Sindrom Eisenmenger Teruk
44	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
45	Pembedahan Aorta
46	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
47	Penyakit Terminal
48	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu

Tempoh premium Rider adalah <Tempoh> tahun dan premium rider dianggarkan adalah seperti berikut: -

Mod Pembayaran	Setiap Tahun	Setiap Setengah Tahun	Setiap Suku Tahun	Setiap Bulan
Premium Rider (RM)	<Jumlah>	<Jumlah>	<Jumlah>	<Jumlah>

- Orang yang Diinsuranskan yang berumur lebih daripada 64 tahun tidak akan dilindungi terhadap manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.
- Jika berlaku Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Major Koronari, 10% daripada Manfaat Penyakit Kritikal tertakluk kepada maksimum RM25,000 di bawah semua dasar mengenai hayat yang sama akan dibayar dan manfaat penyakit kritikal akan mengurangkan sewajarnya.
- Kadar premium adalah untuk risiko standard sahaja.
- Kadar premium untuk rider ini tidak dijamin. Kami berbak untuk menyemak semula kadar premium dengan memberi sekurang-kurangnya 90 hari notis bertulis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun kadar yang disemak semula hanya akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi akan datang.
- Polisi ini memberikan tempoh tangguh 30 hari, yang memberikan pelanggan tempoh masa tambahan selepas tarikh akhir bagi pembayaran premium.
- Komisen - amaun yang boleh dibayar kepada ejen yang merupakan peratusan (2%) daripada amaun yang dibayar oleh pengguna kewangan untuk servis atau produk kewangan. Sila rujuk jadual di bawah untuk contoh kadar komisen.

Tahun Polisi	Tempoh Pembayaran Premium			
	5 Tahun	10 Tahun	15 Tahun	20 Tahun dan ke atas
1	25.00%	37.50%	51.30%	65.00%
2	16.00%	22.50%	32.00%	40.00%
3	12.00%	15.50%	20.70%	26.00%
4	3.50%	10.00%	14.80%	20.00%
5	2.00%	5.00%	7.60%	10.00%
6	-	5.00%	7.60%	10.00%
Jumlah	58.50%	95.50%	134.00%	171.00%

Pengecualian

Tiada manfaat akan dibayar jika:

- Kematian yang disebabkan oleh: -
 - bunuh diri dalam tahun 1 polisi.
- Hilang Upaya Kekal yang disebabkan oleh: -
 - cubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras).
 - kecederaan diri sendiri atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan.
 - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan berbahaya atau pertandingan ketahanan.
 - apa-apa aktiviti di udara (kecuali apabila dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau seorang anak kapal dalam pesawat yang dikendalikan oleh Syarikat penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang ke atas laluan perdagangan biasa yang dijadualkan).
 - pelayaran kapal terbang;
 - berkhidmat dalam angkatan tentera, pasukan polis, tentera laut atau aeronautik;
 - apa-apa bentuk hilang upaya yang dialami pada tarikh mula berkuatkuasa atau pengembalian semula polisi.
- Penyakit Kritikal yang disebabkan oleh: -
 - apa-apa penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk kejadian penyakit kritikal yang dilindungi;
 - tanda-tanda atau simptom Penyakit Kritikal yang ditakrifkan dapat dilihat dengan jelas sebelum atau
 - (i) dalam enam puluh (60) hari untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu) dan Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
 - (ii) dalam tiga puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritikal lain;
 - dari Tarikh Pengeluaran atau Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana yang lebih kemudian;
 - penyakit kritikal yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Penyakit Sedia Ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada yang mana lebih lewat. Penyakit Sedia Ada bermaksud apa-apa kejadian atau penyakit:
 - (i) Orang yang Diinsuranskan yang telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - (ii) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
 - (iii) Simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata;
 - (iv) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.
 - keadaan penyakit kritikal di mana pada pendapat kami adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Orang yang Diinsuranskan untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima sebarang tuntutan. Pengecualian akan diberi kepada Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, atau AIDS Dengan Gejala Penuh;
 - apa-apa penyakit kritikal yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh suatu kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan berumur tujuh belas (17) tahun;
 - apa-apa penyakit kritikal yang diakibatkan oleh kecederaan diri yang disengajakan;
 - apa-apa penyakit kritikal di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan;
 - Orang yang Diinsuranskan tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Syarat-syarat Lain

- Tempoh menunggu - Kelayakan untuk manfaat di bawah rider ini hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh kuat kuasa rider ini untuk semua Penyakit Kritikal dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh kemasukan semula rider ini, yang mana lebih lewat.
- Rider ini akan ditamatkan semasa kematian Orang yang Diinsuranskan, penamatan rider ini atau penyerahan / pembatalan / peluputan rider / polisi asas ini.

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.